

22/05/2001

MT tolak rayuan enam terbabit politik wang

Kadir Dikoh; Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menolak rayuan semua enam ahli Umno termasuk tiga ketua bahagian yang didapati bersalah kerana terbabit dengan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Dengan itu, ia menyokong dan memperakui semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Disiplin termasuk hukuman ke atas enam ahli terbabit.

Sehubungan itu juga, mesyuarat MT kira-kira empat jam memutuskan tiga calon Ketua bahagian yang tewas kepada ahli yang didapati bersalah itu, akan diberi jawatan berkenaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT juga mahu negeri yang dikuasai Umno mengambil keputusan yang selari dengan kehendak parti bagi ahli terbabit yang memegang jawatan Exco negeri.

"MT menerima semua keputusan termasuk hukuman yang dikenakan, tak ada apa-apa perbezaan yang dicadangkan oleh MT. Kita sokong penuh," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Katanya, MT sudah mendengar penerangan Pengerusi Lembaga Disiplin, Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail dan berpuas hati dengan proses yang digunakan dalam menentukan siapa yang bersalah dan siapa yang tidak bersalah.

Pada 5 Mei lalu, Tengku Ahmad Rithauddeen mengumumkan enam ahli Umno bersalah kerana didapati terbabit dengan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian.

Mereka ialah Ketua Umno Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Umno Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Zainol Mohd Isa; Ketua Penerangan Umno Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan.

Abdullah, Zainol, Mustafa Kamal, Rahmat dan Mohamad Annuar digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan di semua peringkat sehingga 2007 manakala Zaki pula digantung hak itu selama dua kali pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Dr Mahathir juga berkata mana-mana ketua bahagian yang didapati bersalah, maka lawannya pada pemilihan itu akan menjadi ketua bahagian.

Beliau berkata, jika ini membabitkan dua calon yang kalah, calon yang mendapat undi lebih banyak akan memegang jawatan itu.

"Tak akan ada lagi mesyuarat untuk pemilihan ketua bahagian. Tetapi jika kemudian kita dapati yang kalah juga terlibat dalam rasuah, dia juga akan dihukum dan pada masa itu, Umno akan tentukan siapa yang akan ambil alih tempat sebagai ketua. Proses ini akan berterusan," katanya.

Dengan keputusan itu, bermakna bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, kembali menyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Baling.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin yang mencuba buat kali pertama tetapi tewas kepada Mustafa, akan diberi jawatan Ketua Umno Bahagian Gopeng manakala Abdul Malek Munip kembali menyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Muar.

Ditanya sama ada Zainol perlu melepaskan jawatan sebagai Exco kedah, Dr Mahathir berkata, pihaknya berpendapat keputusan Umno mesti diikuti bukan saja dari segi pelaksanaan bahkan semangatnya iaitu seseorang yang

bersalah, maka jawatannya dalam kerajaan juga akan diambil bagi mencerminkan keputusan Lembaga Disiplin.

Ketika ditanya sama ada ini adalah nasihat atau satu keputusan yang mesti diambil oleh kerajaan negeri, beliau berkata: "Kerajaan negeri yang dikuasai oleh Umno akan patuh kepada keputusan Umno."

Dr Mahathir juga berkata, MT berpendapat secara praktiknya, ia (MT) tidak boleh menjadi badan rayuan kerana ini adalah proses yang agak rumit kerana bilangan kes banyak.

Beliau berkata, MT berpendapat mereka yang didapati bersalah boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Disiplin dan MT membuat perakuan saja.

Ditanya sama ada wujud lagi kes politik wang selain daripada yang membabitkan enam ahli itu, Dr Mahathir berkata: "Ada lagi, banyak lagi... (membabitkan) ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, jawatan apa pun."

Sementara itu, Zainol ketika dihubungi, enggan mengulas mengenai keputusan MT tetapi difahamkan beliau akan membuat kenyataan akhbar di pusat khidmat Adun, di Baling, esok.

(END)